

A large, abstract graphic element is positioned on the left side of the page. It consists of several overlapping and intersecting red-colored geometric shapes, including rectangles and triangles, creating a layered and dynamic visual effect.

PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

2. Invest Kedah Berhad



PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH INVEST KEDAH BERHAD

RUMUSAN AUDIT

“Objektif penubuhan Invest Kedah Berhad sebagai penasihat dan perunding pelaburan serta menjalankan promosi pelaburan masih **belum mencapai tahap optimum**, amalan tadbir urus korporat **kurang memuaskan** & kedudukan kewangan adalah **stabil**”



PENCAPAIAN OUTPUT

📌 Aktiviti Perkhidmatan Rundingan dan Nasihat Pelaburan

Tiada KPI ditetapkan

📌 Aktiviti Promosi Pelaburan


Pencapaian KPI misi pelaburan, *business matching/workshop/seminar* dan penerbitan Majalah Invest Kedah

2019	→ 20 (133.3%)/15 sasaran	✓
2020	→ 6 (46.2%)/13 sasaran	✗
2021	→ 4 (30.8%)/13 sasaran	✗



PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Pencapaian Kemasukan Pelaburan ke Negeri Kedah



Prestasi KDNK Industri Pembuatan **28.6% - 30.5%**

kepada KDNK negeri Kedah

PENGURUSAN AKTIVITI

Yuran Perkhidmatan Rundingan dan Nasihat Pelaburan

- » Tiada kelulusan Lembaga Pengarah
- » Tiada mandat diberikan Kerajaan Negeri Kedah

Majalah Invest Kedah

3 edisi lewat diterbitkan
1 hingga 5 bulan

Pembangunan Portal Rasmi

masih belum selesai sepenuhnya mengikut tempoh yang ditetapkan

TADBIR URUS KORPORAT

tidak mengamalkan lapan aspek amalan terbaik

KEDUDUKAN KEWANGAN

Pemberian geran Kerajaan



Tidak mengikut ketetapan MMK



**SYOR
AUDIT**

6

PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

INVEST KEDAH BERHAD

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Invest Kedah Berhad (IKB) ditubuhkan pada 30 April 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK). IKB merupakan syarikat berhad menurut syer milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) dengan modal dibenarkan berjumlah RM2 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta serta bukan bermotifkan keuntungan.
- Aktiviti utama IKB adalah untuk menyediakan perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan serta menjalankan promosi pelaburan.
- Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.
- Pengauditan juga melibatkan penilaian terhadap tadbir urus korporat meliputi lapan aspek iaitu Pengurus, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.
- Analisis turut dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang merangkumi analisis pendapatan, perbelanjaan, untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan dan aliran tunai.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan IKB melalui pengurusan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan yang cekap, berkesan dan berhemat; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

- IKB menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri Kedah bagi membiayai operasi syarikat berjumlah RM4.5 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- IKB tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan pada tahun 2006.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, objektif penubuhan IKB sebagai perunding dan penasihat pelaburan serta menjalankan promosi pelaburan masih belum mencapai tahap optimum. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - tiada KPI ditetapkan bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan;
 - pencapaian KPI aktiviti promosi pelaburan bagi tahun 2020 dan 2021 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana masing-masing hanya mencapai enam (46.2%) berbanding 13 sasaran dan empat (30.8%) berbanding 13 sasaran;
 - pencapaian kemasukan pelaburan RM88 bilion ke negeri Kedah tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan KPI IKB kerana terdapat pelbagai agensi lain juga terlibat dalam membawa masuk pelaburan ke negeri Kedah;
 - kertas cadangan caj perkhidmatan tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah serta tidak mendapat mandat daripada Kerajaan Negeri Kedah;
 - tiga edisi Majalah Invest Kedah lewat diterbitkan iaitu antara satu hingga lima bulan dari tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - pembangunan portal rasmi masih belum selesai sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- Amalan tadbir urus korporat IKB berada pada tahap kurang memuaskan kerana tidak mengamalkan kesemua lapan aspek tadbir urus korporat yang baik.

- Dari segi kedudukan kewangan, IKB berada pada tahap stabil dengan mencatatkan aliran tunai yang positif. Bagaimanapun, pemberian geran Kerajaan tidak mengikut ketetapan MMK menyebabkan perbelanjaan pentadbiran dan operasi tahunannya perlu ditampung dengan tunai dan kesetaraan tunai.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa yang akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah IKB mengambil tindakan seperti berikut:
 - menetapkan KPI bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan yang boleh diukur supaya mempunyai hala tuju yang jelas;
 - mewujudkan mekanisme tertentu untuk mengukur pencapaian kemasukan pelaburan ke negeri Kedah yang diusahakan oleh IKB bagi menentukan impak dan keberkesanan terhadap objektif penubuhan;
 - mengenal pasti hala tuju syarikat sama ada perlu ke arah berorientasikan keuntungan atau sebaliknya dan memastikan geran Kerajaan diterima dengan jumlah yang bersesuaian bagi membayai perbelanjaan pengurusan dan operasi syarikat;
 - memastikan pengurusan kontrak dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui kedua-dua belah pihak;
 - lantikan Pengurus Besar/KPE secara sepenuh masa perlu dibuat bagi memastikan pemantauan operasi syarikat berjalan dengan lancar; dan
 - memastikan kesemua aspek tadbir urus korporat diamalkan sepenuhnya mengikut polisi dan SOP yang ditetapkan bagi membantu syarikat meningkatkan kecekapan dan mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diuruskan dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab.

PERBADANAN MENTERI BESAR KEDAH

2. INVEST KEDAH BERHAD

FAKTA UTAMA

30.04.2006	100%	Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	
Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	Dimiliki oleh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed)		
RM1 Juta Modal berbayar	Syarikat Berhad Menurut Syer Jenis syarikat	2021 2020 2019	(RM306,070) RM423,433 (RM719,873)
Objektif Penubuhan	Sebagai perunding dan penasihat pelaburan serta menjalankan promosi untuk menarik pelabur dari dalam dan luar negara melabur ke negeri Kedah		
Aktiviti Utama	Perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan		

1. LATAR BELAKANG

1.1. Invest Kedah Berhad (IKB) ditubuhkan pada 30 April 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK). IKB merupakan syarikat berhad menurut syer milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed) dengan modal dibenarkan berjumlah RM2 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta. Penubuhan IKB tidak bermotifkan keuntungan. IKB menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri Kedah bagi membiayai operasi syarikat. IKB mempunyai satu syarikat subsidiari iaitu Kester Sdn. Bhd. yang berstatus dorman dengan pegangan saham sebanyak 100%.

1.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif penubuhan IKB adalah sebagai perunding dan penasihat pelaburan bagi membantu pelabur dari dalam dan luar negara untuk berurusan dengan semua agensi atau badan Kerajaan yang terlibat. Selain itu, IKB menjalankan promosi bagi menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur ke negeri Kedah.

1.3. Lembaga Pengarah IKB terdiri daripada seorang pengurus dan empat orang ahli. Struktur organisasi IKB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO). IKB mempunyai empat orang pegawai eksekutif daripada Bahagian Prapelaburan, Bahagian Pascapelaburan, Bahagian Perhubungan Pelabur dan Bahagian Perkhidmatan Korporat. Bilangan kakitangan IKB setakat bulan Ogos 2022 ialah sebanyak 14 orang yang terdiri daripada eksekutif dan bukan eksekutif. Carta organisasi IKB pada 31 Ogos 2022 adalah seperti dalam **Carta 1** manakala fungsi dan peranan setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 1
CARTA ORGANISASI IKB PADA 31 OGOS 2022



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Korporat, IKB

JADUAL 1
FUNGSI DAN PERANAN SETIAP BAHAGIAN PADA 31 OGOS 2022

BIL.	NAMA BAHAGIAN	FUNGSI DAN PERANAN
1.	Prapelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab dalam menguruskan sesi mesyuarat/perbincangan/lawatan tapak bagi setiap prospek pelaburan merangkumi cadangan baharu dan cadangan pembesaran. Bertanggungjawab menyediakan minit mesyuarat atau laporan yang berkaitan hasil daripada sesi mesyuarat/perbincangan/lawatan yang diuruskan. Bertanggungjawab dalam pengumpulan data/maklumat berkaitan sama ada untuk tujuan mempromosikan peluang pelaburan seperti data tanah industri dan maklumat yang berkaitan untuk menasihati atau membantu bakal pelabur dalam membuat perancangan serta keputusan perniagaan. Mewujudkan pangkalan data merangkumi data tanah industri yang berpotensi untuk dipasarkan, polisi dan garis panduan yang diguna pakai, insentif yang ditawarkan serta menyediakan akses perkongsian pangkalan data bersama pihak berkepentingan atau jabatan Kerajaan. Bertanggungjawab menilai, mengenal pasti dan merangka pakej prospek pelaburan mengikut cadangan oleh bakal pelabur serta pakej prospek pelaburan yang berpotensi untuk dipasarkan.
2.	Pascapelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab dalam mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh pelabur baharu dalam peringkat pelaksanaan projek yang diluluskan serta membantu untuk memudah cara melalui pendekatan yang sewajarnya. Bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan projek yang telah diluluskan di negeri Kedah secara berkala serta mewujudkan pangkalan data dan menyediakan akses perkongsian data kepada pihak yang berkepentingan. Bertanggungjawab dalam membantu mendapatkan kelulusan yang berkaitan dan memastikan pematuhan projek dapat dilaksanakan agar kemajuan projek dapat berjalan dengan lancar. Bertanggungjawab menyelaras dan menapis aduan yang diutarakan oleh pelabur sedia ada di negeri Kedah mengikut kategori penglibatan. Bertanggungjawab dalam menyelaras serta menguruskan sesi mesyuarat/perbincangan/lawatan tapak ke kilang dan kawasan industri di negeri Kedah. Bertanggungjawab menyediakan rangka kerja bagi kertas kerja cadangan atau makluman untuk pertimbangan pengurusan atasan syarikat, Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa/Kerajaan.

BIL.	NAMA BAHAGIAN	FUNGSI DAN PERANAN
3.	Perhubungan Pelabur	<p>Unit Perhubungan Pelabur</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merupakan pusat perhubungan utama antara pelabur dan pihak syarikat. • Merancang serta mengelola aktiviti pemasaran dan promosi bagi tujuan menarik minat pelabur. • Menjaga kebijakan dan menjalin hubungan baik dengan pelabur bagi mewujudkan layanan mesra pelabur. • Membina serta menunjukkan reputasi/imej yang baik kepada pelabur melalui komunikasi yang konsisten dan jelas antara syarikat dengan pelabur. • Memantau polisi berkaitan pelaburan terkini untuk tujuan penyebaran maklumat terkini kepada pihak pelabur. • Menguruskan mesyuarat, perjumpaan, panggilan persidangan dan lawatan tapak bersama pihak pelabur. • Memberikan maklum balas kepada pihak pengurusan mengenai persepsi komuniti pelabur terhadap pelaburan di negeri Kedah bagi tujuan penambahbaikan. <p>Unit Komunikasi Korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang serta menyelaras pelan komunikasi, promosi dan publisiti syarikat agar program/aktiviti mendapat liputan meluas oleh media massa. Mengurus serta menyelaras bahan penerbitan seperti majalah, buletin dan lain-lain penerbitan untuk tujuan mempromosikan syarikat. • Memantau dan menguruskan hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara profesional bagi meningkatkan imej syarikat. • Menyelaras maklumat untuk dikemas kini di portal rasmi syarikat. • Menyelaras aspek perhubungan awam dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media, kenyataan akhbar serta temu bual khas media cetak dan elektronik. • Menyediakan infografik dan videografik berkaitan dasar, peranan, program/aktiviti serta majlis rasmi.
4.	Perkhidmatan Korporat	<p>Unit Kewangan & Akaun</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan bajet tahunan syarikat. Mengurus serta menyelia hal ehwal belanjawan tahunan dan pembayaran. • Menguruskan pembelian serta pembayaran mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan. • Memberikan khidmat nasihat serta pandangan berkenaan peraturan dan prosedur kewangan yang berkuat kuasa. • Menguruskan pembelian bekalan pejabat melalui kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak. • Mengurus dan menyalurkan peruntukan kepada program/aktiviti. • Mengurus bayaran, terimaan, amanah, aset dan laporan penyata kewangan. • Membuat penutupan akaun serta menyediakan laporan perakaunan bulanan dan tahunan. <p>Unit Pentadbiran & Sumber Manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelaras serta mengawal hal ehwal pentadbiran, pengurusan mesyuarat luaran dan dalaman syarikat. • Memberikan khidmat nasihat, kaunseling dan khidmat teknikal pengurusan kepada semua kakitangan. • Bertanggungjawab terhadap pembangunan pengurusan sumber manusia dan hal berkaitan keperluan perjawatan/perkhidmatan untuk kakitangan. • Memastikan setiap kakitangan diberi kursus/latihan untuk memajukan diri dan mempertingkatkan kemajuan kerjaya.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Korporat, IKB

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan IKB melalui pengurusan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan yang cekap, berkesan dan berhemat; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan, promosi pelaburan serta kemasukan pelaburan ke negeri Kedah bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022. Dua bidang utama yang dinilai bagi pengauditan aktiviti IKB ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output terdiri daripada penilaian terhadap aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan. Pencapaian keberhasilan pula meliputi pencapaian kemasukan pelaburan ke negeri Kedah dan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) industri pembuatan di negeri Kedah. Bagi menilai pengurusan aktiviti pula, aspek yang diaudit adalah pengurusan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan.

3.2. Pengauditan juga melibatkan lapan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, KPE, Prosedur Operasi Standard [Standard Operating Procedure (SOP)], Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicator (KPI)], Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022. Selain itu, aspek kedudukan kewangan dinilai dengan melaksanakan analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. Pengauditan telah dijalankan di pejabat IKB di Alor Setar, Kedah.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan IKB serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pengesahan dengan pihak ketiga iaitu firma audit swasta dilaksanakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh semasa pengauditan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan IKB tahun 2019, 2020 dan 2021 yang diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co.. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.


5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga September 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas IKB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 27 Februari 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Aktiviti utama IKB adalah untuk menyediakan perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan serta menjalankan promosi pelaburan. IKB menjalankan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan kepada bakal pelabur atau pelabur sedia ada serta mengenakan caj yuran bagi perkhidmatan tertentu yang diberikan. IKB juga menjalankan promosi dengan menyertai misi pelaburan ke luar negara, mengadakan *business matching/workshop/seminar*, menerbitkan majalah untuk diedarkan kepada golongan sasaran dan membangunkan portal rasmi IKB. Model perniagaan IKB adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
MODEL PERNIAGAAN IKB



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output bagi aktiviti IKB diukur berdasarkan KPI aktiviti yang dijalankan. KPI tersebut telah dinyatakan dalam anggaran belanjawan yang diluluskan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. KPI disediakan untuk menilai dan membantu syarikat mencapai objektif penubuhan dengan lebih cekap.

5.1.1.1. Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Rundingan dan Nasihat Pelaburan

- a. Aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan merupakan aktiviti utama IKB. Salah satu perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan ialah berkenaan proses pengeluaran Surat Tiada Ketegahan [Non Objection Letter (NOL)]. Akta Penyelarasian Perindustrian 1975 menyatakan pengilang yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.50 juta dan menggaji melebihi 75 orang pekerja sepenuh masa perlu mendapatkan Lesen Pengilangan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Ministry of International Trade and Industry (MITI)]. Pengilang perlu mendapatkan NOL terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (BPEN) yang mewakili Kerajaan Negeri Kedah.
- b. IKB bertindak sebagai agensi yang membantu BPEN untuk menjalankan pemeriksaan terhadap pematuhan syarat yang ditetapkan oleh agensi Kerajaan. Selain itu, IKB juga memberi khidmat nasihat kepada pengilang bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan untuk memastikan NOL diperoleh.
- c. Semakan Audit mendapati **tiada KPI ditetapkan bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan.** Semakan Audit selanjutnya mendapati IKB telah membantu BPEN dalam pengeluaran 103 NOL bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan NOL adalah bergantung kepada pematuhan pengilang terhadap peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, **KPI bagi proses permohonan NOL juga tidak disediakan.**
- d. Penyediaan KPI bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan tidak disediakan kerana IKB tidak menyedari keperluan penyediaan KPI bagi aktiviti tersebut. Perkara ini mengakibatkan pemantauan daripada Lembaga Pengarah terhadap pencapaian KPI syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif syarikat dalam jangka panjang.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

IKB telah menyediakan KPI bagi pendapatan perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan berjumlah RM0.50 juta pada tahun 2022. Anggaran pendapatan tersebut juga telah dinyatakan dalam belanjawan IKB.

5.1.1.2. Prestasi Aktiviti Promosi Pelaburan

- a. IKB telah menyediakan KPI bagi tiga aktiviti promosi pelaburan iaitu misi pelaburan, *business matching/workshop/seminar* dan penerbitan Majalah Invest Kedah yang melibatkan 15 sasaran bagi tahun 2019, 13 sasaran bagi tahun 2020 serta 13 sasaran bagi tahun 2021.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian KPI mendapati KPI bagi aktiviti misi pelaburan, *business matching/workshop/seminar* dan penerbitan Majalah Invest Kedah telah mencapai antara 62.5% hingga 76.2% bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pencapaian **KPI aktiviti promosi pelaburan bagi tahun 2019 menunjukkan IKB berjaya mencapai sebanyak 20 (133.3%) berbanding 15 sasaran yang ditetapkan.** Bagaimanapun, **pencapaian KPI aktiviti promosi pelaburan bagi tahun 2020 dan 2021 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan masing-masing hanya mencapai enam (46.2%) berbanding 13 sasaran dan empat (30.8%) berbanding 13 sasaran.** Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2
PENCAPAIAN KPI AKTIVITI PROMOSI PELABURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

BIL.	KPI	TAHUN						JUMLAH		
		2021		2020		2019				
		S	P	S	P	S	P	S	P	%
1.	Misi Pelaburan	4	1	4	0	4	8	12	9	75.0
2.	<i>Business Matching/Workshop/Seminar</i>	7	2	7	4	7	10	21	16	76.2
3.	Penerbitan Majalah Invest Kedah	2	1	2	2	4	2	8	5	62.5
JUMLAH		13	4	13	6	15	20	41	30	-
%		-	30.8	-	46.2	-	133.3	-	73.2	-

Sumber: Laporan Pencapaian KPI IKB

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

- c. KPI bagi tahun 2020 dan 2021 tidak dapat dicapai mengikut perancangan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. Keadaan ini boleh menyebabkan pelabur dan bakal pelabur tidak mendapat maklumat terkini berkaitan potensi pelaburan di negeri Kedah.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

KPI bagi misi pelaburan, *business matching/workshop/seminar* dan penerbitan Majalah Invest Kedah bagi tahun 2020 dan 2021 tidak dapat dicapai kerana pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19 dan peruntukan kewangan bagi tahun 2021 yang diterima daripada Kerajaan Negeri Kedah semakin berkurang.

IKB mengambil inisiatif dengan mengadakan sebanyak 94 kali perbincangan dengan pelabur dan bakal pelabur secara dalam talian ketika pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19 bagi tempoh tahun 2020 dan 2021.

KPI penerbitan majalah tidak dapat dicapai pada tahun 2019 disebabkan sasaran yang ditetapkan oleh IKB tidak mengambil kira pencapaian pada tahun sebelumnya. Selain itu, pelaksanaan PKP bagi tahun 2021 menyukarkan IKB untuk mendapatkan maklumat bagi kandungan Majalah Invest Kedah dan kelewatan di peringkat penasihat penerbitan majalah kerana perubahan kandungan majalah.

Pendapat Audit | **Prestasi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan tidak dapat dinilai kerana KPI tidak disediakan manakala prestasi aktiviti promosi pelaburan adalah memuaskan kerana mencapai purata 73.2% berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan IKB dinilai berdasarkan sasaran yang ditetapkan dalam KPI bagi kemasukan pelaburan ke negeri Kedah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Selain itu, pihak Audit juga mengukur prestasi KDNK industri pembuatan di negeri Kedah yang disumbangkan oleh kemasukan pelaburan bagi tempoh tersebut. Pencapaian kemasukan pelaburan dan prestasi KDNK industri pembuatan negeri Kedah adalah seperti berikut:

5.1.2.1. Pencapaian Kemasukan Pelaburan ke Negeri Kedah


- a. Berdasarkan Pelan Pembangunan Kedah 2035, antara strategi Teras 1 (Kemakmuran Ekonomi) adalah menarik masuk pelaburan dalam industri teknologi tinggi, ekonomi digital, penyelidikan dan pembangunan serta memacu revolusi industri 4.0.. Sasaran terhadap strategi tersebut adalah untuk memastikan kemasukan pelaburan sebanyak RM10 bilion setahun ke negeri Kedah.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran kemasukan pelaburan ditetapkan oleh IKB secara tahunan manakala pencapaian sebenar adalah berdasarkan laporan pelaburan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia [Malaysian Investment Development Authority (MIDA)]. Berdasarkan KPI IKB, sasaran kemasukan pelaburan ke negeri Kedah masing-masing berjumlah RM3 bilion, RM5 bilion dan RM6 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. IKB telah meningkatkan sasaran pelaburan dari tahun ke tahun bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Kedah 2035.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pencapaian kemasukan pelaburan ke negeri Kedah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 masing-masing berjumlah RM14.700 bilion, RM5 bilion dan RM68.300 bilion iaitu antara 100% hingga 1,138.3% berbanding sasaran seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 2**. Bagaimanapun, **pencapaian kemasukan pelaburan RM88 billion tersebut tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan KPI IKB kerana terdapat pelbagai agensi lain juga terlibat dalam membawa masuk pelaburan ke negeri Kedah.** Agensi lain yang terlibat antaranya seperti MIDA, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. dan Pihak Berkua Tempatan.

JADUAL 3
PENCAPAIAN KEMASUKAN PELABURAN KE NEGERI KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	SASARAN (RM Bilion)	SEBENAR (RM Bilion)	PENCAPAIAN (%)
2021	6.000	68.300	1,138.3
2020	5.000	5.000	100
2019	3.000	14.700	490
JUMLAH	14.000	88.000	628.6

Sumber: Bahagian Pascapelaburan, IKB dan Laporan Prestasi Tahunan Malaysia, MIDA

CARTA 2
PENCAPAIAN KEMASUKAN PELABURAN MENGIKUT SEKTOR DI NEGERI KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Bahagian Pascapelaburan, IKB dan Laporan Prestasi Tahunan Malaysia, MIDA

- d. Berdasarkan Laporan Prestasi Tahunan Malaysia (Malaysian Investment Performance Report) MIDA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar pelaburan (78.1% hingga 97%) berbanding sektor perkhidmatan dan sumber utama. Analisis Audit terhadap pelaburan dalam sektor perkilangan mendapati 178 projek dengan modal pelaburan berjumlah RM81.759 bilion telah berjaya diperoleh. Pelaburan tersebut merangkumi 88 projek baharu dan 90 projek pembesaran/pelbagaian. Bilangan projek yang diterima bagi tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 40.7% manakala modal pelaburan menunjukkan penurunan sebanyak 64.6% berbanding tahun 2019. Bagi tahun 2021, bilangan projek menunjukkan penurunan sebanyak 36.8% manakala modal pelaburan meningkat sebanyak 1,529.8% berbanding tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN PELAKSANAAN PELABURAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN
DI NEGERI KEDAH BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PELABURAN						PENINGKATAN/ (PENGURANGAN)	
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH		BIL. PROJEK (%)	MODAL PELABURAN (%)
	BIL. PROJEK	MODAL PELABURAN (RM Bilion)	BIL. PROJEK	MODAL PELABURAN (RM Bilion)	BIL. PROJEK	MODAL PELABURAN (RM Bilion)		
2021	26	57.131	22	9.088	48	66.219	(36.8)	1,529.8
2020	31	3.087	45	0.976	76	4.063	40.7	(64.6)
2019	31	5.701	23	5.776	54	11.477	-	-
JUMLAH	88	65.919	90	15.840	178	81.759	-	-

Sumber: Laporan Prestasi Tahunan Malaysia, MIDA

- e. Berdasarkan laporan tersebut juga, pencapaian pelaburan sektor perkilangan antara negeri di Malaysia menunjukkan negeri Kedah menduduki tempat ketiga bagi tahun 2019 manakala bagi tahun 2020 menduduki tempat kelapan. Bagi tahun 2021 pula, pencapaian pelaburan sektor perkilangan di negeri Kedah telah melonjak dengan menduduki tempat kedua antara negeri dalam Malaysia.
- f. Peningkatan pelaburan bagi sektor perkilangan antaranya disebabkan prasarana yang baik iaitu jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan yang berdekatan, limpahan pelabur dari negeri Pulau Pinang, kos pembinaan kilang rendah, harga tanah rendah serta mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Kedah dan agensi Kerajaan yang lain. Peningkatan pelaburan ini telah membuka peluang pekerjaan sebanyak 26,831 bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENAWARAN PELUANG PEKERJAAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM Bilion)	PELUANG PEKERJAAN
2021	66.219	12,779
2020	4.063	8,876
2019	11.477	5,176
JUMLAH	81.759	26,831

Sumber: BPEN

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Peningkatan kemasukan pelaburan ke negeri Kedah terutamanya bagi sektor perkilangan antaranya disebabkan oleh aktiviti promosi yang dijalankan, hubungan baik antara IKB dengan pelabur dan bakal pelabur serta mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Kedah dan agensi lain yang terlibat.

5.1.2.2. Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Industri Pembuatan di Negeri Kedah

- a. Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah Tahun 2019 hingga 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, industri pembuatan merupakan antara industri yang mempengaruhi prestasi KDNK selain industri perkhidmatan, pertanian, pembinaan serta pelombongan dan pengkuarian. Industri pembuatan juga dikenali sebagai sektor perkilangan dalam Laporan Prestasi Tahunan Malaysia, MIDA.

- b. Semakan Audit terhadap laporan tersebut mendapati KDNK industri pembuatan di negeri Kedah menunjukkan trend meningkat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 iaitu masing-masing berjumlah RM13.400 bilion, RM13.600 bilion dan RM14.500 bilion. **Sumbangan KDNK industri pembuatan kepada KDNK negeri Kedah ialah antara 28.6% hingga 30.5%**. Pertumbuhan KDNK industri pembuatan menunjukkan penurunan pada tahun 2020 iaitu 1.4% berbanding tahun 2019 iaitu 4.7% dan meningkat kepada 6.2% pada tahun 2021. Maklumat lanjut mengenai prestasi KDNK industri pembuatan di negeri Kedah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KDNK INDUSTRI PEMBUATAN DI NEGERI KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	KDNK KESELURUHAN (RM Bilion)	KDNK INDUSTRI PEMBUATAN (RM Bilion)	SUMBANGAN INDUSTRI PEMBUATAN KEPADA KDNK NEGERI KEDAH (%)	PERTUMBUHAN KDNK INDUSTRI PEMBUATAN (%)
2021	47.500	14.500	30.5	6.2
2020	46.000	13.600	29.6	1.4
2019	46.800	13.400	28.6	4.7

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia

- c. Pertumbuhan KDNK industri pembuatan bagi tahun 2019 hingga 2021 antaranya disebabkan oleh kemasukan pelaburan dalam sektor perkilangan masing-masing berjumlah RM11.477 bilion, RM4.063 bilion dan RM66.219 bilion.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Peningkatan pelaburan bagi sektor perkilangan di negeri Kedah telah menyebabkan KDNK negeri Kedah bagi industri pembuatan meningkat.

Pendapat Audit	Pencapaian keberhasilan IKB yang diukur berdasarkan pencapaian kemasukan pelaburan ke negeri Kedah adalah baik kerana mencapai 628.6% berbanding sasaran. Prestasi KDNK industri pembuatan di negeri Kedah juga menunjukkan pertumbuhan positif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
-----------------------	--

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Perkhidmatan Rundingan dan Nasihat Pelaburan

IKB berperanan untuk memberi perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan kepada pelabur dan bakal pelabur mengenai pematuhan kepada dasar dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan yang terlibat.

5.2.1.1. Yuran Perkhidmatan Rundingan dan Nasihat Pelaburan

- a. Berdasarkan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2017, Lembaga Pengarah telah meluluskan supaya caj dikenakan terhadap perkhidmatan perunding kepada pelabur dan bakal pelabur mengikut kadar yang ditetapkan.
- b. Pada tahun 2020, IKB telah membuat kertas cadangan bagi penambahbaikan caj perkhidmatan yang dikenakan dengan menyatakan dua mekanisme digunakan sebagai inisiatif untuk menjana pendapatan iaitu yuran konsultasi dan yuran penasihat strategik. Yuran konsultasi ialah caj yang dikenakan kepada pelabur terhadap perkhidmatan khusus berkaitan pelaburan. Yuran penasihat strategik pula ialah caj sebagai *introducer* yang dikenakan kepada pemilik atau pemaju kawasan industri sekiranya penjualan tanah berjaya dimuktamadkan.
- c. Semakan Audit mendapati **kertas cadangan caj perkhidmatan tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.** Perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan yang ditawarkan adalah seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
PERKHIDMATAN RUNDINGAN DAN NASIHAT PELABURAN YANG DITAWARKAN

BIL.	BUTIRAN
KONSULTASI	
1.	Majlis menandatangani perjanjian
2.	Permohonan Lesen Perniagaan
3.	Permohonan Lesen Pengilangan - Permohonan Surat Tiada Ketegahan [<i>Non Objection Letter (NOL)</i>]
4.	Permohonan insentif cukai - Fasa 1 – Penyediaan dan penyerahan permohonan insentif cukai - Fasa 2 – Permohonan selepas insentif (jika ada)
5.	Permohonan Lesen Gudang Pembuatan
6.	Perkhidmatan berkaitan kastam
7.	Perkhidmatan imigresen - Tugas 1 – Pendaftaran ke portal Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat - Tugas 2 – Permohonan pas pekerjaan dan pas lawatan profesional (baharu dan pembaharuan)
PENASIHAT STRATEGIK	
1.	Agen penjualan tanah

Sumber: IKB

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati pendapatan bagi yuran perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan berjumlah RM0.70 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8** manakala setakat bulan Ogos 2022, tiada sebarang pendapatan yuran yang diterima. Pendapatan daripada yuran konsultasi bagi permohonan Lesen Pengilangan berjumlah RM50,000 adalah termasuk perkhidmatan bagi permohonan NOL. Bagaimanapun, **caj tersebut tidak mendapat mandat daripada Kerajaan Negeri Kedah.**

JADUAL 8
YURAN PERKHIDMATAN RUNDINGAN DAN NASIHAT PELABURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

PERKHIDMATAN	YURAN PERKHIDMATAN (RM)				JUMLAH (RM)
	HINGGA BULAN OGOS 2022	2021	2020	2019	
Yuran Konsultasi	0	50,000	175,000	76,160	301,160
Yuran Penasihat Strategik	0	200,000	0	200,000	400,000
JUMLAH	0	250,000	175,000	276,160	701,160

Sumber: Lejar IKB

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Kertas cadangan bagi caj perkhidmatan hanya diangkat untuk makluman dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Kertas cadangan tersebut akan diangkat semula untuk kelulusan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.

Selain itu, IKB akan mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Lembaga Pengarah berkaitan mandat caj perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan serta hala tuju IKB sebagai *cost centre* atau *profit centre*.

Pendapat Audit | **Pengurusan yuran perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan adalah tidak cekap kerana caj yang dikenakan tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan tiada mandat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada IKB.**

5.2.2. Promosi Pelaburan

Pelaksanaan aktiviti promosi yang dijalankan oleh IKB adalah seperti berikut:

5.2.2.1. Misi Pelaburan

- a. Berdasarkan keputusan MMK Kertas No. 7 (F) 494/2006 menyatakan IKB bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti promosi/misi pelaburan Kerajaan Negeri Kedah dan syarikat kerajaan di dalam dan luar negara.
- b. Bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022, sebanyak 10 misi pelaburan ke luar negara telah dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.61 juta. Berdasarkan laporan lawatan bagi tempoh tersebut, IKB telah mengadakan pertemuan dengan 53 prospek. Hasil daripada pertemuan tersebut, 12 (22.6%) prospek telah berjaya membuat pelaburan berjumlah RM24.585 bilion di negeri Kedah manakala sebanyak empat (7.6%) prospek masih di peringkat rundingan. Selain itu, sembilan (17%) prospek dikategorikan sebagai tidak berjaya manakala 28 (52.8%) prospek masih dalam pertimbangan untuk melabur di negeri Kedah. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
STATUS MISI PELABURAN KE LUAR NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

TAHUN	BIL. MISI PELABURAN	BIL. PROSPEK	STATUS MISI PELABURAN							
			BERJAYA	(%)	DI PERINGKAT RUNDINGAN	(%)	TIDAK BERJAYA	(%)	MASIH DALAM PERTIMBANGAN	(%)
Hingga bulan Ogos 2022	1	8	4	50.0	3	37.5	-	-	1	12.5
2021	1	8	0	0.00	1	12.5	-	-	7	87.5
2019	8	37	8	21.6	-	-	9	24.3	20	54.1
JUMLAH	10	53	12	22.6	4	7.6	9	17.0	28	52.8

Sumber: Bahagian Prapelaburan, IKB

Nota: Tahun 2020 - Misi pelaburan tidak dilaksanakan kerana pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19

- c. Prospek tidak berjaya ditarik untuk melabur di negeri Kedah antaranya disebabkan pelaburan yang ingin dibuat bertentangan dengan dasar Kerajaan. Selain itu, terdapat prospek mengambil masa yang lama untuk membuat keputusan pelaburan kerana masih membuat pertimbangan dan perbandingan antara negeri Kedah dengan negeri/negara lain dari pelbagai aspek.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

IKB akan sentiasa bergerak aktif dalam menjalankan aktiviti misi pelaburan dari semasa ke semasa dan membuat susulan terhadap prospek yang berpotensi supaya membuat pelaburan di negeri Kedah.

Pendapat Audit | **Misi pelaburan yang dijalankan oleh IKB bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022 masih belum mencapai tahap optimum kerana hanya berjaya menarik 22.6% prospek untuk melabur di negeri Kedah bagi tempoh tersebut.**

5.2.2.2. Penerbitan Majalah Invest Kedah

- a. Majalah Invest Kedah telah diterbitkan sejak tahun 2007. Majalah ini berfungsi sebagai medium pemasaran kepada golongan sasaran. IKB telah melantik syarikat pencetakan iaitu syarikat PG0052318-W secara tahunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 untuk menguruskan penerbitan Majalah Invest Kedah. Perbelanjaan bagi penerbitan majalah ini ialah kos pencetakan kepada syarikat PG0052318-W dan kos penghantaran majalah. Pendapatan yang diperoleh daripada penjualan iklan kepada agensi Kerajaan dan syarikat swasta digunakan untuk menampung sebahagian perbelanjaan penerbitan majalah. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENERBITAN MAJALAH INVEST KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
2021	58,000	63,123
2020	22,000	32,196
2019	54,000	82,175
JUMLAH	134,000	177,494

Sumber: Lejar IKB

- b. Berdasarkan perenggan 1 dan 3 *Letter of Award*, syarikat PG0052318-W perlu menerbitkan dua edisi Majalah Invest Kedah mengikut tempoh yang telah ditetapkan serta perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun. Selain itu, perenggan 2.1. *Letter of Award* menyatakan 2,000 naskhah majalah perlu dicetak setiap edisi. Majalah yang diterbitkan selain diberi kepada

pelabur, turut diedarkan kepada agensi berkaitan seperti MIDA, MITI, kedutaan Malaysia di luar negara, agensi Kerajaan dan syarikat swasta untuk tujuan promosi/pemasaran bagi meningkatkan pelaburan di negeri Kedah.

- c. Semakan Audit mendapati syarikat PG0052318-W telah mencetak sebanyak 2,000 naskhah majalah bagi setiap edisi. Bagaimanapun, **tiga edisi lewat diterbitkan iaitu antara satu hingga lima bulan dari tempoh yang telah ditetapkan**. Selain itu, edisi 2/2020 yang sepatutnya diterbitkan pada bulan Disember 2020 juga telah melangkaui tahun terbitan iaitu pada bulan Februari 2021. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENERBITAN MAJALAH INVEST KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

TAHUN	EDISI	PENERBITAN		
		SEPATUTNYA	SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
Hingga bulan Ogos 2022	1/2022	Mac 2022	April 2022	1
2021	1/2021	Jun 2021	November 2021	5
2020	1/2020	September 2020	September 2020	-
	2/2020	Disember 2020	Februari 2021	2
2019	1/2019	TM	Ogos 2019	TM
	2/2019	TM	Disember 2019	TM

Sumber: Bahagian Perhubungan Pelabur, IKB

Nota: TM – Tiada maklumat

(-) – Tiada kelewatan

- d. Pihak Audit juga **tidak dapat mengesahkan tempoh terbitan yang sepatutnya bagi tahun 2019 kerana *Letter of Award* tidak dikemukakan untuk semakan.**
- e. Kelewatan penerbitan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah disebabkan pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19. Selain itu, IKB memaklumkan kelewatan juga disebabkan kelulusan pindaan draf majalah oleh penasihat penerbitan majalah lewat diperoleh. Keadaan ini menyebabkan pelabur dan bakal pelabur tidak mendapat maklumat terkini berkaitan potensi pelaburan di negeri Kedah.
- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai edaran Majalah Invest Kedah mendapati purata peratus edaran bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022 adalah baik iaitu 84.4%. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
EDARAN MAJALAH INVEST KEDAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

TAHUN	PENERBITAN		EDARAN	
	EDISI	JUMLAH (Naskhah)	JUMLAH (Naskhah)	%
Hingga bulan Ogos 2022	1/2022	2,000	1,910	95.5
2021	1/2021	2,000	1,560	78.0
2020	1/2020	2,000	1,600	80.0
	2/2020	2,000	1,680	84.0
2019	1/2019	2,000	1,712	85.6
	2/2019	2,000	1,662	83.1
JUMLAH		12,000	10,124	84.4

Sumber: Senarai Edaran Majalah Invest Kedah

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Kelewatan penerbitan bagi tiga edisi tersebut disebabkan oleh beberapa faktor antaranya proses penyuntingan dan pengesahan daripada penasihat penerbitan majalah mengambil masa yang lama sebelum diterbitkan.

Pendapat Audit | **Penerbitan Majalah Invest Kedah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah cekap kerana majalah telah berjaya diterbitkan dan pengedarannya mencapai purata 84.4%. Bagaimanapun, tiga daripada empat edisi majalah tersebut lewat diterbitkan.**

5.2.2.3. Pembangunan Portal Rasmi IKB

- Pembangunan portal rasmi IKB dilaksanakan bagi memenuhi keperluan semasa dan membantu menarik perhatian pelabur dari dalam dan luar negara serta mengekalkan imej korporat dalam dunia digital. Selain itu, portal ini bertujuan untuk memudahkan carian maklumat berkaitan pelaburan secara terperinci oleh bakal pelabur dan menjadi rujukan kepada semua pihak. IKB telah melantik syarikat UA0008070-V pada 24 Jun 2021 untuk membangunkan portal rasmi IKB. Komponen yang perlu dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KOMPONEN PEMBANGUNAN PORTAL RASMI IKB

KOMPONEN	BUTIRAN
A	Pembangunan portal rasmi IKB
B	Pensijilan dan sekuriti Secure Sockets Layer
C	<i>Cloud hosting</i>

Sumber: *Letter of Award* IKB

- b. Berdasarkan perenggan 2 dan 3 *Letter of Award*, pelaksanaan pembangunan portal rasmi IKB telah ditetapkan mengikut jadual dan tarikh akhir perlu diselesaikan adalah pada 31 Julai 2021 dengan nilai kontrak berjumlah RM26,430.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, **pembangunan portal rasmi masih belum selesai sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan** dan pembayaran pertama berjumlah RM13,215 (50%) telah dibuat pada 27 Disember 2021. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JADUAL PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PORTAL RASMI IKB

TARIKH PELAKSANAAN	BUTIRAN	STATUS
21.06.2021 – 29.06.2021	Mereka bentuk portal rasmi	
30.06.2021	Tarikh akhir untuk IKB menyerahkan data kepada pembekal	- Telah diselesaikan pada 18 Disember 2021 - Pembayaran dibuat pada 27 Disember 2021
30.06.2021	Pembangunan tapak dan draf portal rasmi dikemukakan kepada IKB untuk persetujuan (pembayaran pertama sebanyak 50% setelah reka bentuk dipersetujui)	
01.07.2021 – 08.07.2021	Mencipta kandungan portal rasmi dan <i>Search Engine Optimization</i>	Belum selesai sepenuhnya
09.07.2021 – 22.07.2021	<i>Development and coding</i>	Belum selesai sepenuhnya
22.07.2021	IKB akan menjelaskan pembayaran selepas berpuas hati dengan keseluruhan pembangunan portal rasmi (pembayaran kedua sebanyak 30%)	Tiada pembayaran dibuat kerana pembangunan portal rasmi belum selesai sepenuhnya
23.07.2021 -30.07.2021	<i>Beta testing</i>	Belum selesai
31.07.2021	Pelancaran portal rasmi (pembayaran akhir sebanyak 20%)	Belum selesai

Sumber: Bahagian Perhubungan Pelabur, IKB

- d. Kelewatan berlaku disebabkan pembangunan tapak portal rasmi di Pusat Data AIMS Kuala Lumpur dan Cyberjaya tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual berikutan pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19. Selain itu, IKB tidak dapat membekalkan maklumat kepada syarikat UA0008070-V mengikut tempoh yang ditetapkan kerana IKB dilantik sebagai urus setia Program Imunisasi Industri

Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bermula pada 14 Julai 2021 hingga 13 Oktober 2021. Kelewatian ini menyebabkan pelabur dan bakal pelabur tidak dapat mengakses maklumat pelaburan terkini di negeri Kedah daripada portal rasmi IKB.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Kelewatian disebabkan pembangunan portal rasmi masih dalam tindakan susulan serta terdapat penambahan dan pengubahsuaian bagi portal tersebut. Bagaimanapun, tiada sebarang kos yang terlibat bagi penambahan dan pengubahsuaian tersebut.

Pendapat Audit	Pembangunan portal rasmi IKB adalah kurang cekap kerana kerja pembangunan portal tidak mematuhi jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.
-----------------------	--

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya bagi membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan di bawah PMBKed, pengurusan IKB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, SOP, pekeliling dan peraturan Kerajaan. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021, The Green Book-Enhancing Board Effectiveness April 2006 (Green Book), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [MKD Handbook] dan panduan tadbir urus daripada Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Lapan aspek amalan tadbir urus korporat dinilai bagi memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan cekap dan berkesan mengikut SOP yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati **IKB tidak mengamalkan sepenuhnya lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat** iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, KPE, SOP, Pelan Strategik dan KPI, JKA serta Audit Dalam. Penemuan Audit bagi aspek tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

5.3.2.1. Pengerusi

- a. Seksyen 212 Akta Syarikat 2016 menetapkan Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dilantik di kalangan Lembaga Pengarah dan tempoh pelantikan jawatan ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati sejak awal penubuhan IKB, Lembaga Pengarah telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Kedah yang merupakan Lembaga Pengarah IKB. Tiada sebarang ketetapan mengenai pelantikan YAB Menteri Besar sebagai Pengerusi. Bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022, dua orang YAB Menteri Besar Kedah telah memegang jawatan sebagai Pengerusi IKB. Lantikan Pengerusi yang terkini adalah berkuat kuasa mulai 26 Julai 2020. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi telah dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah IKB. Bagaimanapun, **tiada ketetapan tempoh lantikan bagi jawatan Pengerusi.**
- c. Perkara ini berlaku kerana tiada ketetapan pelantikan Pengerusi dan tempoh lantikan dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah atau mana-mana SOP syarikat.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Penambahbaikan berkaitan dengan pelantikan YAB Menteri Besar Kedah sebagai Pengerusi IKB dalam Piagam Lembaga Pengarah akan diangkat untuk mendapatkan kelulusan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.

Pendapat Audit	Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek Pengerusi adalah memuaskan. Bagaimanapun, tiada ketetapan tempoh lantikan bagi Pengerusi.
-----------------------	---

5.3.2.2. Lembaga Pengarah

- a. Amalan 3.1. MCCG 2021 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan Audit mendapati Kod Tatalaku dan Etika bagi Lembaga Pengarah disediakan hanya berkaitan garis panduan penerimaan hadiah dan kerahsiaan. Bagaimanapun, **Kod Tatalaku dan Etika bagi kakitangan tidak diwujudkan sebagai sumber**

rujukan rasmi syarikat. Perkara ini berlaku kerana IKB tidak mengambil maklum tentang kepentingan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Ketiadaan Kod Tatalaku dan Etika boleh menyebabkan risiko berlakunya konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan tingkah laku yang tidak beretika dalam persekitaran syarikat.

- b. Amalan 2.1. MCCG 2021 dan perenggan 1.2.2. Green Book memperuntukkan Lembaga Pengarah hendaklah menyediakan dan meluluskan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. Semakan Audit mendapati IKB telah menubuhkan Jawatankuasa Pengarah yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2019 pada 28 Oktober 2019. Tujuan penubuhan adalah bagi melancarkan pengurusan dan operasi IKB. Bagaimanapun, **tiada terma rujukan bagi penubuhan Jawatankuasa Pengarah** kerana IKB beranggapan tiada keperluan untuk menyediakan terma rujukan tersebut. Perkara ini menyebabkan peranan dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut adalah tidak jelas.
- c. Seksyen 213 Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian dengan perniagaan syarikat. Perenggan 1.4.4. Green Book menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. Semakan Audit mendapati **tiada bukti Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada program pembelajaran kerana tiada rekod menunjukkan Lembaga Pengarah IKB menghadiri latihan atau seminar yang berkaitan** bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022. Perkara ini berlaku kerana IKB tidak membuat sebarang perancangan berkaitan dengan seminar atau kursus kepada Lembaga Pengarah. Kesannya kemahiran Lembaga Pengarah berkaitan dengan tugas dan aktiviti syarikat tidak dapat dipertingkatkan bagi memajukan lagi syarikat.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Draf Kod Tatalaku dan Etika bagi kakitangan serta terma rujukan bagi penubuhan Jawatankuasa Pengarah akan diangkat untuk mendapatkan kelulusan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan datang.

IKB akan mendapatkan sijil/dokumen tentang latihan atau seminar yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah IKB melalui pembantu/setiausaha mereka.

Pendapat Audit | **Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek Lembaga Pengarah adalah memuaskan kerana telah mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali Kod Tatalaku dan Etika bagi kakitangan serta terma rujukan penubuhan Jawatankuasa Pengarah tidak diwujudkan.**

5.3.2.3. Setiausaha Syarikat

a. Pelantikan Setiausaha Syarikat

- i. Subseksyen 236(1) Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat dan menentukan terma dan syarat pelantikan tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati syarikat 345771-P telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat IKB sejak awal penubuhan syarikat iaitu 30 April 2006 dan ditamatkan perkhidmatannya pada 3 Mac 2020. Seterusnya, IKB telah melantik syarikat AS0361698-P sebagai Setiausaha Syarikat melalui surat tawaran pelantikan yang dikeluarkan pada 4 Mac 2020. Bagaimanapun, **terma dan syarat pelantikan syarikat AS0361698-P sebagai Setiausaha Syarikat tidak dinyatakan dalam surat tawaran pelantikan tersebut.**
- iii. IKB beranggapan memadai dengan menggunakan pakai terma dan syarat pelantikan yang dinyatakan dalam surat penerimaan tawaran oleh syarikat AS0361698-P sebagai Setiausaha Syarikat bertarikh 14 Mac 2020. Hal ini boleh menyebabkan kepentingan IKB terjejas kerana terma dan syarat pelantikan yang dinyatakan hanya menjaga kepentingan syarikat AS0361698-P.

b. Perakuan Amalan Setiausaha

- i. Subseksyen 241(4) Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa seseorang yang layak untuk bertindak atau berhasrat menjadi Setiausaha Syarikat hendaklah memperoleh Perakuan Amalan Setiausaha yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi melayakkan beliau untuk bertindak sebagai Setiausaha Syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati **syarikat AS0361698-P telah menjalankan perkhidmatan sebagai Setiausaha Syarikat IKB tanpa Perakuan Amalan Setiausaha bagi tempoh 4 Mac 2020 hingga tarikh pengauditan dijalankan.**
- iii. Perkara ini disebabkan oleh IKB tidak menyemak kelayakan syarikat AS0361698-P sebagai Setiausaha Syarikat sebelum pelantikan dibuat. Kesannya, Setiausaha Syarikat tidak dapat menjalankan tugas dengan profesional dan berisiko untuk memberi nasihat yang kurang tepat kepada Lembaga Pengarah dalam melaksanakan amalan tadbir urus korporat.

c. Peranan Setiausaha Syarikat

- i. Amalan 1.5. dan Panduan G1.5. MCCG 2021 menyatakan Setiausaha Syarikat berperanan menasihati Lembaga Pengarah mengenai peranan dan tanggungjawab mereka.
- ii. Semakan Audit mendapati **Setiausaha Syarikat tidak melaksanakan peranannya untuk menasihati Lembaga Pengarah berkaitan tadbir urus korporat yang baik.** Antaranya ialah tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat; penyediaan terma dan rujukan bagi jawatankuasa yang ditubuhkan; serta penambahbaikan dan pengemaskinian SOP. SOP yang diguna pakai juga tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, agenda mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mengenai pembentangan KPI tidak menyeluruh kerana hanya membentangkan berkaitan pencapaian pelaburan sahaja.
- iii. Syarikat AS0361698-P tidak menjalankan peranannya sebagai Setiausaha Syarikat dengan baik kerana ketiadaan terma dan syarat sebagai rujukan berkaitan tugas dan tanggungjawabnya.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Setiausaha Syarikat telah membuat permohonan Perakuan Amalan Setiausaha pada 30 Januari 2020. Bagaimanapun, Perakuan Amalan Setiausaha hanya diperoleh pada 26 September 2022. Selain itu, IKB akan sentiasa memantau Setiausaha Syarikat supaya melaksanakan semua tugas dan tanggungjawabnya.

Pendapat Audit	Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek Setiausaha Syarikat adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan terma dan syarat pelantikan serta Perakuan Amalan Setiausaha. Selain itu, Setiausaha Syarikat tidak memainkan peranan secara efektif dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus korporat syarikat yang efisien.
-----------------------	--

5.3.2.4. Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif

- a. Jadual Ketiga perenggan 22 Seksyen 212 Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa boleh melantik seorang Pengarah Urusan bagi suatu tempoh dan menentukan terma pelantikan serta boleh membatalkan pelantikan tersebut. Pelantikan dan syarat perkhidmatan Pengarah Urusan hendaklah selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah dan dinyatakan dengan jelas serta dipatuhi seperti mana surat pelantikan/kontrak perkhidmatan.
- b. Semakan Audit mendapati Pengurus Besar Kanan yang dilantik telah tamat perkhidmatan pada 13 Mei 2020. Berdasarkan kelulusan MMK bertarikh 3 Jun 2020, arahan telah dikeluarkan kepada Pengarah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (BPEN) untuk menjalankan tugas sebagai Pengurus Besar yang baharu menggantikan Pengurus Besar Kanan. Bagaimanapun, **Pengurus Besar tidak menjalankan tugas secara sepenuh masa kerana memikul tanggungjawab sebagai Pengarah BPEN.** Arahan menjalankan tugas ini berkuat kuasa mulai 14 Mei 2020 sehingga jawatan tersebut diisi semula atau sehingga terdapat arahan lanjut daripada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Berdasarkan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2020 pada 24 Disember 2020, Lembaga Pengarah bersetuju meluluskan struktur baharu perjawatan IKB antaranya perjawatan KPE. Pada 24 Februari 2021, MMK bersetuju penukaran perjawatan daripada Pengurus Besar kepada KPE.

- c. Pelantikan Pengurus Besar/KPE secara tidak sepenuh masa menyebabkan pemantauan terhadap operasi syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap.

Maklum Balas IKB pada 27 Februari 2023

Lantikan Pengurus Besar/KPE adalah berdasarkan arahan daripada MMK. Pelantikan Pengarah BPEN sebagai Pengurus Besar/KPE adalah bagi memudahkan kerja berkaitan permohonan NOL.

Pendapat Audit | **Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek Pengurus Besar/KPE adalah memuaskan kerana telah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, pelantikan Pengurus Besar/KPE tidak dibuat secara sepenuh masa.**

5.3.2.5. Prosedur Operasi Standard

- a. Seksyen 211 Akta Syarikat 2016 menetapkan bahawa perniagaan dan hal ehwal sesuatu syarikat hendaklah diuruskan di bawah arahan Lembaga Pengarah. Perenggan 1.9. (c), perenggan 2.2. (f) dan perenggan 3.25. hingga 3.28. MKD Handbook menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan dan aktiviti syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pematuhan SOP yang telah diluluskan hendaklah merangkumi kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. Sebarang perubahan terhadap SOP perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

- b. Semakan Audit mendapati IKB telah menyediakan SOP untuk diguna pakai oleh syarikat. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **lima SOP yang tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah** seperti dalam **Jadual 15**. Semakan Audit selanjutnya mendapati **IKB tidak menyediakan SOP bagi pengurusan aset dan stor**.

JADUAL 15
SENARAI SOP YANG TIDAK DIBENTANGKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

BIL.	SENARAI SOP
1.	SOP operasi syarikat (Fasa Pemasaran, Fasa Permulaan Pelaburan, Fasa Pertengahan Pelaburan dan Fasa Akhir Pelaburan)
2.	Carta alir proses melakukan perniagaan (tanah perindustrian siap, tanah Kerajaan Negeri Kedah dan tanah swasta)
3.	Carta alir Majalah Invest Kedah
4.	Carta alir pengurusan acara
5.	Carta alir pengurusan media sosial

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Korporat, IKB

- c. Perkara ini berlaku kerana IKB tidak menyedari keperluan untuk menyedia dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah terhadap SOP tersebut. SOP yang tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah tidak boleh dijadikan dokumen rujukan rasmi syarikat dan dikuatkuasakan penggunaannya.
- d. Selain itu, ketiadaan SOP menyebabkan kawalan serta pemantauan terhadap aset dan stor tidak dilaksanakan dengan berkesan. Keadaan ini menyebabkan empat unit aset berjumlah RM8,140 yang dibeli pada tahun 2021 tidak dapat dikesan. Aset tersebut juga tiada dalam senarai pendaftaran aset IKB. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
ASET TIDAK DAPAT DIKESAN

BIL.	TARIKH / NO. BAUCAR BAYARAN	BUTIRAN	BIL. (UNIT)	JUMLAH (RM)
1.	30.12.2021/PV1221-54	Tablet Microsoft Surface Pro 256 GB	1	3,990
2.	30.12.2021/PV1221-57	Wireless Adaptor For Projector	1	450
3.	27.10.2021/PV1021-36	Refurbished Laptop	2	3,700
JUMLAH			4	8,140

Sumber: Baucar Bayaran IKB

Maklum Balas IKB pada 27 Februari 2023

SOP yang tiada kelulusan serta draf SOP berkaitan pengurusan aset dan stor akan diangkat untuk mendapatkan kelulusan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan datang.

Selain itu, empat unit aset yang tidak dapat dikesan diklasifikasikan sebagai hilang dan IKB akan melaksanakan pelupusan mengikut prosedur pelupusan aset.

Pendapat Audit | Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek SOP adalah kurang memuaskan kerana satu SOP tidak disediakan dan lima SOP tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

5.3.2.6. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama

a. Pelan Strategik

- i. Amalan 1.1. dan Panduan G1.1. MCCG 2021 serta perenggan 2.2.(b) MKD Handbook menyarankan pelan strategik disediakan dan diluluskan serta pelaksanaannya dipantau oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati **tiada Pelan Strategik disediakan oleh IKB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.** Bagaimanapun, Pelan Strategik 2022-2026 hanya disediakan dan diluluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2022 pada 20 Januari 2022. Pelaksanaannya adalah bertujuan untuk mencapai hala tuju syarikat selaras dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035. Terdapat lima teras utama pelan strategik seperti dalam **Jadual 17.** IKB telah melaksanakan sebahagian daripada sasaran yang terdapat dalam Pelan Strategik yang ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian Pelan Strategik tersebut masih belum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi tujuan pemantauan kerana setakat bulan Ogos 2022, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah belum diadakan.

JADUAL 17
TERAS UTAMA PELAN STRATEGIK IKB

SENARAI TERAS	BUTIRAN
Teras 1	Memperkasakan identiti korporat
Teras 2	Mengukuhkan tadbir urus
Teras 3	Mengukuhkan kewangan syarikat
Teras 4	Memperkasakan sumber manusia dan integriti
Teras 5	Meningkatkan pelaburan negeri Kedah

Sumber: Pelan Strategik IKB

b. Petunjuk Prestasi Utama

- i. Bahagian 1 perenggan 3.2. Greenbook dan perenggan 3.33. hingga 3.35. MKD Handbook menyatakan sasaran KPI syarikat hendaklah disediakan dan diluluskan serta dipantau oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. IKB telah menyediakan dua KPI utama yang merangkumi pelaburan (sektor perkilangan, perkhidmatan dan sumber utama) dan aktiviti promosi (misi pelaburan, *business matching/workshop/seminar* dan penerbitan Majalah Invest Kedah).
- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI pelaburan bagi tahun 2020 telah dibentangkan secara keseluruhan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Pencapaian KPI pelaburan bagi tahun 2019 hanya membentangkan pencapaian pelaburan bagi sektor perkilangan manakala bagi tahun 2021 membentangkan pencapaian pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Selain itu, **pencapaian KPI pelaburan bagi tahun 2019 dan 2021 yang dibentangkan tidak meliputi tempoh setahun.**
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pencapaian KPI aktiviti promosi tidak dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.** Pembentangan KPI pelaburan dan aktiviti promosi adalah seperti dalam **Jadual 18** dan **Jadual 19.**

JADUAL 18
PEMBENTANGAN KPI DALAM MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

BIL.	KPI	TAHUN			
		HINGGA BULAN OGOS 2022	2021	2020	2019
Pelaburan					
1.	- Perkilangan	X	/	/	/
	- Perkhidmatan	X	/	/	X
	- Sumber utama	X	X	/	X
Aktiviti Promosi					
2.	-Misi Pelaburan	X	X	X	X
	-Business matching/workshop/seminar	X	X	X	X
	-Penerbitan Majalah Invest Kedah	X	X	X	X

Sumber: Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan Laporan Pencapaian KPI IKB

Nota: (/) - Dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

(X) - Tidak dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

JADUAL 19
PEMBENTANGAN PENCAPAIAN KPI PELABURAN DALAM MESUARAT AHLI LEMBAGA
PENGARAH BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN OGOS 2022

BIL./TARIKH MESUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENCAPAIAN KPI YANG DIBENTANGKAN		CATATAN
	SEKTOR	TEMPOH	
Bil. 1 Tahun 2019/28.10.2019	Perkilangan	Bulan Januari hingga Jun 2019	Pencapaian bagi bulan Julai hingga Disember 2019 tidak dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.
Bil. 1 Tahun 2020/24.12.2020	Perkilangan	Bulan Januari hingga September 2020	Pencapaian KPI pelaburan bagi tahun 2020 telah dibentangkan sepenuhnya pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2021.
Bil. 1 Tahun 2021/29.04.2021	Perkilangan	Bulan Januari hingga Mac 2021	Pencapaian bagi bulan Oktober hingga Disember 2021 tidak dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.
Bil. 1 Tahun 2022/20.01.2022	Perkilangan dan perkhidmatan	Bulan Januari hingga September 2021	Pencapaian KPI bagi tahun 2022 belum dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Sumber: Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan Laporan Pencapaian KPI IKB

- iv. Pencapaian KPI pelaburan tidak dibentangkan sepenuhnya kerana IKB terlepas pandang untuk membentangkan pencapaian setahun berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada MIDA pada mesyuarat berikutnya. IKB juga terlepas pandang untuk membentangkan pencapaian KPI aktiviti promosi kepada Lembaga Pengarah. Perkara ini mengakibatkan pemantauan daripada Lembaga Pengarah terhadap pencapaian KPI syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

IKB akan memastikan pencapaian KPI tahunan bagi pelaburan dan aktiviti promosi pelaburan akan dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Pendapat Audit	Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek KPI adalah kurang memuaskan kerana pencapaian KPI tidak dibentangkan sepenuhnya.
---------------------------	--

5.3.2.7. Jawatankuasa Audit

- a. Hasil yang Disasarkan 9.0. MCCG 2021 dan perenggan 1.2.1. Green Book menyarankan Lembaga Pengarah mewujudkan JKA yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati **JKA tidak ditubuhkan di peringkat IKB**. Semakan selanjutnya mendapati pemantauan terhadap kawalan dalaman operasi syarikat juga tidak dilaksanakan oleh agensi induk kerana agensi induk tidak mempunyai JKA.
- c. Perkara ini berlaku kerana IKB beranggapan tiada keperluan untuk mewujudkan JKA. Kesannya tiada jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyemak dan menilai kawalan dalaman operasi syarikat bagi meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

IKB akan mendapatkan pandangan dan kelulusan Lembaga Pengarah berkaitan penubuhan JKA.

Pendapat | Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek JKA adalah Audit | tidak memuaskan kerana JKA masih tidak ditubuhkan.

5.3.2.8. Audit Dalam

- a. Panduan G11.1. MCCG 2021 menyatakan pelantikan dan penamatan Audit Dalam hendaklah diputuskan oleh JKA. Selain itu, Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.

- b. Semakan Audit mendapati tiada Unit Audit Dalam (UAD) di peringkat IKB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pelantikan pegawai yang menjalankan peranan UAD di peringkat IKB hanya dibuat pada bulan Mac 2022. Bagaimanapun, **pelantikan tersebut dibuat secara pentadbiran tanpa kelulusan Lembaga Pengarah serta tiada bukti menunjukkan peranan dan fungsi UAD dilaksanakan.** Selain itu, agensi induk tidak memainkan peranan untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat subsidiarinya.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan di IKB pada bulan September 2020. Pemeriksaan yang dilakukan meliputi Kawalan Pengurusan Organisasi, Pengurusan Perbelanjaan serta Pengurusan Aset dan Kenderaan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2020. Laporan pemerhatian Audit telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2020 pada 24 Disember 2020.
- d. Hal ini berlaku kerana IKB tidak menyedari keperluan untuk mewujudkan UAD menyebabkan fungsi UAD untuk membantu syarikat dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus korporat tidak dapat dilaksanakan.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

IKB akan mendapatkan pandangan dan kelulusan Lembaga Pengarah berkaitan peranan dan fungsi UAD.

Pendapat | Amalan terbaik tadbir urus korporat bagi aspek UAD adalah Audit tidak memuaskan kerana pelantikan UAD tidak melalui Lembaga Pengarah serta fungsi dan peranan UAD tidak dilaksanakan.

5.4. Kedudukan Kewangan

5.4.1. Penyata Kewangan IKB bagi tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021 telah diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. dan telah diberikan Laporan Juruaudit Tanpa Teguran. Analisis terhadap kedudukan kewangan IKB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019, 2020 DAN 2021

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Pendapatan	0.25	0.10	0.20
Pendapatan Lain	3.94	2.09	2.13
JUMLAH PENDAPATAN	4.19	2.19	2.33
Kos Jualan	0	0	0
Perbelanjaan Pentadbiran, Operasi dan Kewangan	(4.49)	(1.77)	(3.05)
JUMLAH PERBELANJAAN	(4.49)	(1.77)	(3.05)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	(0.30)	0.42	(0.72)
Cukai	0	(0.11)	0
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	(0.30)	0.31	(0.72)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	1.14	1.44	1.13
JUMLAH ASET	2.50	2.86	2.61
JUMLAH LIABILITI	0.36	0.41	0.48
JUMLAH EKUITI	2.14	2.45	2.13
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	2.50	2.86	2.61
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1.81	2.09	1.73

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019, 2020 dan 2021

5.4.2. Pendapatan utama IKB diperoleh daripada yuran perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan. Di samping itu, IKB menerima pendapatan lain seperti geran Kerajaan, anjuran majlis menandatangani memorandum persefahaman, terbitan majalah Invest Kedah dan pelbagai pendapatan lain. Pendapatan utama bagi tahun 2020 ialah berjumlah RM100,000 iaitu menurun sejumrah RM100,000 (50%) berbanding RM200,000 pada tahun 2019. Pada tahun 2021, pendapatan utama IKB berjumlah RM250,000 iaitu meningkat sejumrah RM150,000 (150%) berbanding tahun 2020.

5.4.3. Analisis selanjutnya mendapati pendapatan lain IKB bagi tahun 2020 berjumlah RM2.09 juta telah menurun sejumrah RM37,548 (1.9%) berbanding RM2.13 juta pada tahun 2019. Pendapatan lain IKB bagi tahun 2021 ialah berjumlah RM3.94 juta iaitu meningkat sejumrah RM1.85 juta (88.5%) berbanding tahun 2020. Peningkatan ketara ini disebabkan IKB menerima pendapatan berjumlah RM3.37 juta daripada program PIKAS yang diuruskan oleh IKB selaras dengan mandat daripada Kerajaan Negeri Kedah. Perincian pendapatan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PENDAPATAN YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021

BUTIRAN	2021 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Hasil Utama			
Yuran perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan	250,000	100,000	200,000
Jumlah	250,000	100,000	200,000
Pendapatan Lain			
Keuntungan atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	7,357	0	0
Geran Kerajaan	500,000	2,000,000	2,000,000
Majalah Invest Kedah	58,000	22,000	54,000
Majlis menandatangani perjanjian	0	75,000	76,160
Pendapatan Lain	33	0	4,388
PIKAS PPV MINEBEA	2,729,905	0	0
PIKAS PPV KISMEC	410,310	0	0
PIKAS PPV IPDA	232,920	0	0
Jumlah	3,938,525	2,097,000	2,134,548
JUMLAH PENDAPATAN	4,188,525	2,197,000	2,334,548

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019, 2020 dan 2021

5.4.4. Pendapatan lain adalah termasuk geran Kerajaan yang diterima oleh IKB selaras dengan keputusan MMK No. 7(F) 494/2006 yang menyatakan Kerajaan Negeri Kedah bersetuju untuk membiayai kos keseluruhan tahunan IKB yang dianggarkan berjumlah RM2.13 juta. Geran Kerajaan yang diterima oleh IKB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah berjumlah RM4.5 juta. Bagaimanapun, **geran Kerajaan yang diterima bagi tahun 2019 dan 2021 tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran tahunan IKB**. Berikutan geran Kerajaan yang tidak mencukupi, lebihan perbelanjaan IKB ditampung oleh tunai dan kesetaraan tunai. Hal ini menyebabkan operasi syarikat terjejas. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENERIMAAN GERAN KERAJAAN DAN PERBELANJAAN PENTADBIRAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PENERIMAAN GERAN KERAJAAN (A) (RM)	PERBELANJAAN PENTADBIRAN * (B) (RM)	PERBEZAAN (A-B) (RM)
2021	500,000	1,665,889	(1,165,889)
2020	2,000,000	1,646,435	353,565
2019	2,000,000	2,731,432	(731,432)
JUMLAH	4,500,000	6,043,756	(1,543,756)

Sumber: Lejar IKB

Nota: (*) - Perbelanjaan pentadbiran tidak termasuk perbelanjaan susut nilai dan program PIKAS

5.4.5. Perbelanjaan IKB terdiri daripada perbelanjaan pentadbiran, operasi dan kewangan. Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada kos kakitangan, susut nilai aset dan kos terbitan Majalah Invest Kedah. Perbelanjaan operasi terdiri daripada rosot nilai atas penghutang dan hapus kira hutang lapuk manakala perbelanjaan kewangan terdiri daripada faedah atas pembiutang sewa beli dan caj bank. Perbelanjaan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan sejumlah RM1.28 juta (42.0%) berbanding RM3.05 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan berikutan aktiviti misi pelaburan tidak dapat dilaksanakan bagi tahun tersebut. Pada tahun 2021, perbelanjaan IKB berjumlah RM4.49 juta iaitu meningkat sejumlah RM2.72 juta (153.7%) berbanding RM1.77 juta pada tahun 2020. Peningkatan perbelanjaan yang ketara disebabkan oleh perbelanjaan bagi program PIKAS berjumlah RM3.30 juta.


5.4.6. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2020 adalah berjumlah RM423,433 berbanding kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.72 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2021, IKB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM306,070. Setakat 31 Disember 2021, keuntungan terkumpul IKB berjumlah RM1.14 juta. Butirannya adalah seperti dalam **Carta 3** dan **Carta 4**.

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019, 2020 dan 2021

CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)
SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN
TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



5.4.7. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti mendapati IKB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana kedudukan aset syarikat melebihi liabiliti syarikat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Jumlah aset bagi tempoh tersebut masing-masing berjumlah RM2.61 juta, RM2.86 juta dan RM2.50 juta manakala jumlah liabiliti masing-masing berjumlah RM480,517, RM413,389 dan RM358,233.

5.4.8. Berdasarkan analisis nisbah pusing ganti aset tetap, **IKB adalah kurang cekap dalam menguruskan aset bukan semasa bagi menjana pendapatan kerana pusing ganti aset tetap ialah kurang daripada satu kali iaitu masing-masing adalah 0.55 kali dan 0.35 kali bagi tahun 2019 dan 2020.** Nisbah ini menunjukkan IKB hanya dapat menjana pendapatan RM0.35 dan RM0.55 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa.

5.4.9. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap aliran tunai bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. Pada keseluruhannya, baki tunai dan kesetaraan tunai IKB menunjukkan lebihan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Pada akhir tahun 2020, tunai dan kesetaraan tunai menunjukkan baki positif berjumlah RM2.09 juta. Jumlah tersebut meningkat sejumrah RM360,307 (20.8%) berbanding lebihan berjumlah RM1.73 juta yang dicatatkan pada tahun 2019. Pada akhir tahun 2021, baki tunai dan kesetaraan tunai menunjukkan lebihan berjumlah RM1.81 juta. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan sejumrah RM283,306 (13.4%) berbanding lebihan yang dicatatkan pada tahun 2020.

Maklum Balas IKB pada 10 Januari 2023

Pengurangan pemberian geran Kerajaan disebabkan hasrat Kerajaan Negeri Kedah supaya IKB menjana pendapatan sendiri melalui operasi syarikat. Oleh itu, hala tuju IKB sebagai syarikat berorientasikan keuntungan atau tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan datang.

IKB mempunyai empat kategori aset bukan semasa terdiri daripada kenderaan, komputer, alat telekomunikasi dan perabot yang digunakan bagi tujuan pentadbiran dan bukannya untuk tujuan komersial bagi memperoleh pendapatan syarikat. Bagaimanapun, IKB akan berusaha untuk meningkatkan pendapatan tahunan bagi memastikan nisbah pusing ganti aset tetap melebihi 1.0 kali.

Pendapat Audit Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan IKB adalah stabil. Bagaimanapun, pemberian geran Kerajaan tidak mengikut ketetapan MMK menyebabkan perbelanjaan pentadbiran dan operasi tahunannya perlu ditampung dengan tunai dan kesetaraan tunai.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan IKB sebagai perunding dan penasihat pelaburan serta menjalankan promosi pelaburan masih belum mencapai tahap optimum. Pencapaian output bagi aktiviti promosi pelaburan berada pada tahap memuaskan kerana mencapai 73.2% berbanding sasaran. Bagaimanapun, tiada KPI ditetapkan bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan. Pencapaian keberhasilan bagi kemasukan pelaburan ke negeri Kedah ialah baik kerana mencapai 628.6% berbanding sasaran manakala prestasi KDNK industri pembuatan di negeri Kedah menunjukkan pertumbuhan positif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

6.2. Pengurusan aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat serta promosi pelaburan ialah kurang cekap. Kertas cadangan caj perkhidmatan tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah serta tidak mendapat mandat daripada Kerajaan Negeri Kedah. Tiga edisi Majalah Invest Kedah lewat diterbitkan iaitu antara satu hingga lima bulan dari tempoh yang telah ditetapkan. Pembangunan portal rasmi masih belum selesai sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

6.3. Amalan tadbir urus korporat IKB berada pada tahap kurang memuaskan kerana tidak mengamalkan kesemua lapan aspek tadbir urus korporat yang baik. Kedudukan kewangan IKB berada pada tahap stabil dengan mencatatkan aliran tunai yang positif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Bagaimanapun, pemberian geran Kerajaan tidak mengikut ketetapan MMK menyebabkan perbelanjaan pentadbiran dan operasi tahunannya perlu ditampung dengan tunai dan kesetaraan tunai.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan IKB serta memantapkan amalan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah IKB disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 7.1. menetapkan KPI bagi aktiviti perkhidmatan rundingan dan nasihat pelaburan yang boleh diukur supaya mempunyai hala tuju yang jelas;
- 7.2. mewujudkan mekanisme tertentu untuk mengukur pencapaian kemasukan pelaburan ke negeri Kedah yang diusahakan oleh IKB bagi menentukan impak dan keberkesanannya terhadap objektif penubuhan;
- 7.3. mengenal pasti hala tuju syarikat sama ada perlu ke arah berorientasikan keuntungan atau sebaliknya dan memastikan geran Kerajaan diterima dengan jumlah yang bersesuaian bagi membiayai perbelanjaan pengurusan dan operasi syarikat;
- 7.4. memastikan pengurusan kontrak dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui kedua-dua belah pihak;
- 7.5. lantikan KPE secara sepenuh masa perlu dibuat bagi memastikan pemantauan operasi syarikat berjalan dengan lancar; dan
- 7.6. memastikan kesemua aspek tadbir urus korporat diamalkan sepenuhnya mengikut polisi dan SOP yang ditetapkan bagi membantu syarikat meningkatkan kecekapan dan mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diuruskan dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab.